



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*  
DATUK MOHAMMAD UBaidILLAH BIN ENAM @ IMAN

*Timbalan Presiden*  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

*Naib Presiden*  
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

*Setiausaha Kehormat*  
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

*Bendahari Kehormat*  
DATIN MAHFUZAH ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

*Penolong Setiausaha*  
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

*Penolong Bendahari*  
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

*Ahli-ahli Jawatankuasa*  
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH  
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI  
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR  
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)  
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR  
DATO' MOHID BIN MOHAMED  
AISHAH BINTI MAT DESA  
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER  
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

*Juruaudit Dalam*  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya*  
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

*Pengerusi Negeri Selangor*  
DATO' DR. S. PRABAKARAN

*Pengerusi Negeri Johor*  
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

*Pengerusi Negeri Perak*  
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

*Pengerusi Negeri Kelantan*  
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

*Pengerusi Negeri Terengganu*  
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

*Pengerusi Negeri Pahang*  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*Pengerusi Negeri Pulau Pinang*  
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

*Pengerusi Negeri Kedah & Perlis*  
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

*Pengerusi Negeri Melaka*  
DATO' SRI GAN PENG LAM

*Pengerusi Negeri Sembilan*  
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

*Pengerusi Negeri Sabah*  
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

*Pengerusi Negeri Sarawak*  
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

*Sekretariat*

*Pengurus Besar*  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(48)

18 OKTOBER 2024

**SEMUA AHLI PIKM**  
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-48/2024:**  
**PENANGGUHAN TARIKH PROGRAM LATIHAN 'CERTIFIED SECURITY GUARDS' (CSG) ZON SABAH BAGI BULAN NOVEMBER TAHUN 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) telah menerima surat daripada PULAPOL Kota Kinabalu bertarikh 16 Oktober 2024, Ruj: 87/31 berkaitan penangguhan tarikh Program Latihan Certified Security Guard (CSG) disebabkan Kekurangan Tenaga Pengajar/Jurulatih dan Kekangan Fasiliti/Kemudahan.

3. Oleh itu, penangguhan tarikh Program Latihan CSG adalah seperti berikut:

- Siri 18/2024 : 03 November - 08 November 2024 **DITANGGUH ke 10 November - 15 November 2024**
- Siri 19/2024 : 10 November - 15 November 2024 **DITANGGUH ke 17 November - 22 November 2024**

4. Sila ikuti pemakluman terkini bagi pelaksanaan dan penangguhan Program Latihan CSG melalui portal e-PIKM dari masa ke semasa. Surat berkaitan turut dikembalikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**HABIBULLAH BIN DATO' HAJI AHMAD**  
**SETIAUSAHA KEHORMAT**



**PUSAT LATIHAN POLIS  
(PULAPOL) KOTA KINABALU  
88560 KOTA KINABALU  
SABAH**

Telefon : 088-454777  
Faks : 088-454798  
Email : kpulapolsbh@mp.gov.my

**"POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA"**

Rujukan : 87/31  
Tarikh : 16 Oktober 2024

Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)  
Bahagian Latihan Jabatan Pengurusan  
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia  
50560 Bukit Aman  
**KUALA LUMPUR.**

YDH Tuan,

**PERMOHONAN PENANGGUHAN PROGRAM LATIHAN 'CERTIFIED SECURITY GUARDS' (CSG) ZON SABAH BAGI BULAN NOVEMBER 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YDH Tuan, pihak Pusat Latihan Polis Kota Kinabalu telah menerima arahan mewajibkan pengawal keselamatan untuk menjalani Program Latihan "Certified Security Guards" (CSG) rujukan KPN 87/31 yang bertarikh 18 Jun 2024. Namun begitu terdapat beberapa kekangan untuk menganjurkan Program Latihan "Certified Security Guard" (CSG) pada bulan November 2024.

3. Antara kekangan yang dihadapi untuk menganjur program tersebut adalah seperti berikut :-

- 3.1 Kekurangan Tenaga Pengajar dan Jurulatih.  
Pusat Latihan ini sedang menjalankan Program Latihan Asas Polis Bantuan. Oleh itu, tenaga pengajar dan jurulatih terlibat sepenuhnya dalam pengendalian program-program tersebut. Justeru tenaga pengajar dan jurulatih tidak mencukupi bagi melaksanakan program "Certified Security Guards" (CSG) pada tarikh yang telah ditetapkan.
- 3.2 Kekangan Fasiliti dan Kemudahan.  
Pusat Latihan ini hanya mampu menampung kapasiti seramai 250 hingga 300 orang peserta kursus pada satu-satu masa. Ketika ini Pusat Latihan Polis Kota Kinabalu (PULAPOL) telah menerima seramai 184 orang pelatih Program Latihan Asas Polis Bantuan dan 58 orang peserta kursus Asas Pasukan Gerakan Am (PGA) mengikut dalam perancangan kursus 2024. Oleh itu, Pusat Latihan ini tidak dapat menampung tambahan kapasiti seramai 150 orang bagi program *Certified Security Guards* (CSG).

...2/-

Rujukan : 87/31  
Tarikh : 16 Oktober 2024

4. Sehubungan itu, mohon kelulusan YDH Tuan, bagi menundakan Program Latihan "certified Security Guards" (CSG) bagi bulan November 2024 kepada tarikh baharu seperti berikut :-

Bil	Tarikh Asal / Siri	Tarikh Baharu	Tempat
01.	03 – 08 November / Siri 18	10 – 15 November	PULAPOL KK
02.	10 – 15 November / Siri 19	17 – 22 November	PULAPOL KK


5. Dimajukan untuk kelulusan YDH Tuan

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ISQAL KRIA BIN ABDULLAH) SUPT.**  
Komandan  
Pusat Latihan Polis (PULAPOL)  
Kota Kinabalu, Sabah.

s.k Pengurusi Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) Zon Sabah  
Fail